  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA  
BAHAGIAN PENGURUSAN KEWANGAN, HUTANG  
DAN PENSWASTAAN  
PERBENDAHARAAN MALAYSIA,  
JALAN DUTA  
50592 KUALA LUMPUR

Tel. No. : 03-2582475  
Telex No. : MA 32369  
Cable Address : Treasury, K.L.  
Fax : 03-2531909

Ruj. Kami: 0.8927/3A Jld.6 (11)  
Ruj. Tuan:  
Tarikh: 10 Disember 1999

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Usahawan  
Tingkat 22-26, Bangunan Medan MARA  
Jalan Raja Laut  
50652 Kuala Lumpur

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Bahagian Permodenan Desa  
Blok D, Tingkat 3  
Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana  
Jalan Dato' Onn  
50606 Kuala Lumpur

*Ref*

*Eitaran kpd Ahli Ahli  
Pengurusan. L 18/12.*

*YB  
TPB(k)*

PEJABAT SETIAUSAHA KERJA PERBADANAN KRUJUAN NEGERI SELANGOR
15 DEC 1999
DITERIMA : <i>YB</i>

Y.Bhg Dato' / Tuan / Puan,

ARAHAN DI BAWAH PERENGGAN 14(1)(d) JADUAL KEDUA AKTA  
PEMERBADANAN (KEKOMPETENAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) 1962

Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Y.B. Menteri Kewangan telah mengeluarkan Arahan di bawah Perenggan 14(1)(d) Jadual Kedua Akta Pemerbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 yang baru seperti berikut:-

"Suatu perbadanan boleh meminjam wang (termasuk perantaraan kewangan) atau memasuki apa-apa jaminan yang melibatkan liabiliti kewangan tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan dengan syarat aman bagi setiap pinjaman atau jaminan tidak melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta) dan dengan syarat selanjutnya berkenaan dengan apa-apa jaminan, jaminan yang akan diberi

hendaklah tidak melebihi peratusan pegangan ekuiti perbadanan itu di dalam badan itu atau orang berkenaan dengan liabiliti siapa jaminan telah diberi. Apa-apa pinjaman atau jaminan yang melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta) hendaklah menghendaki persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan yang dipohon melalui dan dengan kelulusan Kerajaan Negeri berserta surat akujanji Kerajaan Negeri bahawa akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pinjaman tersebut."

3 Arahan ini mula berkuatkuasa pada 19 November 1999 dan ianya membatalkan arahan di bawah Perenggan 14(1)(d) Jadual Kedua Akta Pemerbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 terdahulu bertarikh 15 April 1993.

1. Bersama-sama ini dilampirkan salinan Arahan tersebut untuk tindakan dan makluman Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan di mana berkenaan.

Sekian, terima kasih.


'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(AHMAD RODZI BIN ABIDIN)

Bahagian Rengurusan Kewangan, Hutang dan Penswastaan  
p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan



## MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

### AKTA PEMERBADANAN (KEKOMPETENAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) 1962

#### ARAHAN DI BAWAH PERENGGAN 14(1) (d) JADUAL KEDUA


Pada menjalankan kuasa di bawah Perenggan 14(1) (d) Jadual Kedua Akta Pemerbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962, Menteri Kewangan membuat arahan berikut:

##### Perenggan 14(1) (d)

"Suatu perbadanan boleh meminjam wang (termasuk perantaraan kewangan) atau memasuki apa-apa jaminan yang melibatkan liabiliti kewangan tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan dengan syarat amaun bagi setiap pinjaman atau jaminan tidak melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta) dan dengan syarat selanjutnya berkenaan dengan apa-apa jaminan, jaminan yang akan diberi hendaklah tidak melebihi peratusan pegangan ekuiti perbadanan itu di dalam badan itu atau orang berkenaan dengan liabiliti siapa jaminan telah diberi. Apa-apa pinjaman atau jaminan yang melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta) hendaklah menghendaki persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan yang dipohon melalui dan dengan kelulusan Kerajaan Negeri berserta surat akuanji Kerajaan Negeri bahawa akan bertanggungjawab sepenuhnya keatas pinjaman tersebut."

Arahan ini mula berkuatkuasa dari tarikh ianya ditandatangani dan membatalkan arahan terdahulu di bawah Perenggan 14(1) (d) Jadual Kedua Akta Pemerbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 bertarikh 15 April 1993.

Diperbuat pada | 9 November 1999  
  
( DAIM ZAINUDDIN )



## MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

### AKTA PEMERBADANAN (KEKOMPETENAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) 1962

#### ARAHAN DIBAWAH PERENGGAN 13A JADUAL KEDUA

Pada menjalankan kuasa dibawah Perenggan 13A Jadual Kedua Akta Pemerbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962, Menteri Kewangan membuat arahan berikut:


#### Perenggan 13A

Suatu perbadanan boleh melupus, melepas atau menukar dengan tunai atau balasan lain mana-mana asetnya dengan syarat jumlah itu tidak melebihi dari Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta). Bagi sesuatu jumlah yang melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta) persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan adalah dikehendaki.

Diperbuat pada 15 April 1993.



( ANWAR IBRAHIM )



## MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

### AKTA PEMERBADANAN (KEKOMPETENAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) 1962

#### ARAHAN DI BAWAH PERENGGAN 14(1) JADUAL KEDUA

Pada menjalankan kuasa di bawah Perenggan 14(1) Jadual Kedua Akta Pemerbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962, Menteri Kewangan membuat arahan-arahan berikut:-

#### Perenggan 14(1) (a)

- (i) Suatu perbadanan boleh menambah pegangan ekuiti di dalam mana-mana syarikat selagi mana penambahan tersebut menggunakan kumpulan wangnya yang dikeluarkan secara dalaman;
- (ii) Jika apa-apa penambahan pegangan ekuitinya di dalam sesuatu syarikat yang tidak dibiayai dari kumpulan wang yang dikeluarkan secara dalamannya, suatu perbadanan boleh menambah pegangan ekuitinya di dalam syarikat itu tidak melebihi dari tiga puluh peratus (30%) atau Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta) (yang mana lebih rendah);
- (iii) Apa-apa penubuhan atau promosi penubuhan mana-mana syarikat hendaklah menghendaki persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan.

Perenqgan 14(1) (b)

Tertakluk kepada kelulusan lembaganya, suatu perbadanan boleh memberi bantuan kewangan kepada syarikat-syarikat subsidiarinya dengan cara mengambil syer-syer atau debentur atau secara pinjaman, pendahuluan, pemberian atau selainnya dengan syarat jumlah keseluruhan apa-apa bantuan kewangan kepada setiap syarikat-syarikat subsidiarinya tidak melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta). Bagi sesuatu jumlah yang melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta) persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan adalah dikehendaki.

Perenqgan 14(1) (c)

Suatu perbadanan boleh membeli, underait atau selainnya memperolehi mana-mana stok atau syer-syer dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan dengan syarat jumlah keseluruhan atau nilai syer-syer atau stok-stok yang dibeli, diunderait atau diperolehi oleh perbadanan dalam mana-mana satu syarikat itu tidak melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM 5.0 juta). Bagi amaun yang melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM 5.0 juta) persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan adalah dikehendaki.

Perenqgan 14(1) (d) -

Suatu perbadanan boleh meminjam wang (termasuk perantaraan kewangan) atau memasuki apa-apa jaminan yang melibatkan liabiliti kewangan tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan dengan syarat amaun bagi setiap pinjaman atau jaminan tidak melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM 5.0 juta) dan dengan syarat selanjutnya berkenaan dengan apa-apa jaminan, jaminan yang akan diberi hendaklah tidak melebihi peratusan pegangan ekuiti perbadanan itu di dalam badan itu atau orang berkenaan dengan liabiliti siapa

jaminan telah diberi. Apa-apa pinjaman atau jaminan yang melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM 5.0 juta) hendaklah menghendaki persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan.

Arahan ini mula berkuatkuasa dari tarikh ianya ditandatangani dan membatalkan arahan terdahulu bertarikh 23hb September 1982.

Diperbuat pada

15 April 1993.

(Anwar Ibrahim)

**JADUAL KEDUA AKTA PERBADANAN (KEKOMPETENAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) 1962**

**PANDUAN PENYEDIAAN KERTAS PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN MENTERI KEWANGAN**

**1. TUJUAN**

**DOKUMEN LUARAN**

- : Panduan ini bertujuan:
- 1.1 Menetapkan peraturan dan format penyediaan kertas permohonan bagi pertimbangan YB Menteri Kewangan; dan
  - 1.2 Melancarkan proses permohonan dengan memperolehi maklumat lengkap daripada pemohon dalam jangka masa munasabah bagi mengelakkan kelewatan.
2. **PERKARA-PERKARA YANG MEMERLUKAN PERTIMBANGAN YB MENTERI KEWANGAN DI BAWAH JADUAL KEDUA AKTA PERBADANAN (KEKOMPETENAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI) 1962**
- 2.1 Bidang kuasa Menteri Kewangan di bawah Akta-akta berkaitan:

**Perenggan 13 A**

Suatu perbadanan boleh melupus, melepas atau menukar dengan tunai atau balasan lain mana-mana asetnya dengan syarat jumlah itu tidak melebihi dari Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta). Bagi sesuatu jumlah yang melebihi Ringgit Malaysia lima (RM5.0 juta) persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan adalah dikehendaki;

**Perenggan 14(1)(a):(ii)**

Jika apa-apa penambahan pegangan ekuitinya di dalam sesuatu syarikat yang tidak dibiayai dari kumpulan wang yang dikeluarkan secara dalamannya, suatu perbadanan boleh menambah pegangan ekuitinya di dalam syarikat itu tidak melebihi dari tiga puluh peratus (30%) atau Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta) (yang mana lebih rendah);

**Perenggan 14(1)(a) (iii)**

Apa-apa penubuhan atau promosi penubuhan mana-mana syarikat hendaklah menghendaki persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan;

(P.M)

(Penyataan)

"Permohonan ini bertujuan untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan YB Menteri Kewangan ke atas permohonan Perbadanan Kemajuan Negeri XXX untuk menjual keseluruhan XX pegangan ekuitinya dalam Syarikat XYZ selaras dengan kehendak Perenggan 13A Jadual Kedua Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962."

- 3.3 Latar Belakang hendaklah mengandungi maklumat penting untuk menjelaskan secara ringkas tetapi padat perkara-perkara yang dikemukakan. Fakta mengenai isu/perkara perlu dikemukakan tetapi tidak perlu diberi penilaian ke atasnya. Latar belakang hendaklah mengandungi:
  - 3.3.1 sejarah ringkas sesuatu isu/perkara;
  - 3.3.2 kelulusan Lembaga Pengarah berkaitan isu yang dibangkitkan; dan
  - 3.3.3 Isu/perkara/maklumat lengkap yang perlu diutarakan bagi kelulusan di bawah perenggan berkaitan.
- 3.4 Permohonan di bawah Perenggan 13 A memerlukan butir-butir/maklumat lengkap mengenai isu untuk dipertimbangkan seperti berikut:
  - 3.4.1 Jumlah=nilai/keluasan pelupusan ekuiti/saham/tanah;
  - 3.4.2 Kaedah bayaran ekuiti/saham/tanah selepas pelupusan;
  - 3.4.3 Identiti/status tanah berkaitan;
  - 3.4.4 Nilaian terkini tanah oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH); dan
  - 3.4.5 Deraf perjanjian jual beli berkaitan dengan memasukkan klausu tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.
- 3.5 Permohonan di bawah Perenggan 14(1)(a) (ii) memerlukan butir-butir/maklumat lengkap mengenai isu untuk dipertimbangkan seperti berikut:
  - 3.5.1 Jumlah=nilai perolehan ekuiti/saham/tanah;
  - 3.5.2 Sumber pembelian ekuiti/saham/tanah;
  - 3.5.3 Aliran tunai projek jika berkaitan; dan
  - 3.5.4 Deraf perjanjian jual beli berkaitan dengan memasukkan klausu tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.
- 3.6 Permohonan di bawah Perenggan 14(1)(a) (iii) memerlukan butir-butir/maklumat lengkap mengenai isu untuk dipertimbangkan seperti berikut:
  - 3.6.1 Jumlah=nilai/bentuk dan sumber pelaburan;
  - 3.6.2 Jenis syarikat (milikan penuh/joint venture);
  - 3.6.3 Struktur pegangan ekuiti;
  - 3.6.4 Aliran tunai projek jika berkaitan; dan

permohonan. Di antara perkara-perkara yang perlu diberi penekanan dalam ulasan ialah:

- 3.11.1 Sebab-sebab atau justifikasi sesuatu syor wajar diluluskan;
  - 3.11.2 Faedah dan kebaikan yang diperolehi hasil daripada kelulusan permohonan yang dikemukakan;
  - 3.11.3 Masalah-masalah yang dapat dielakkan hasil daripada kelulusan permohonan yang dikemukakan; dan
  - 3.11.4 Implikasi jika sesuatu permohonan itu tidak diluluskan;
- 3.12 Sesuatu syor hendaklah selaras dengan tujuan dan dapat menerangkan dengan jelas maksudnya. Syor hendaklah ditulis mengikut contoh seperti berikut:
- 3.12.1 Berdasarkan ulasan di atas adalah disyorkan supaya permohonan Perbadanan Kemajuan Negeri XXX untuk menjual keseluruhan XX pegangan ekuitinya dalam Syarikat XYZ diluluskan.
- 3.13 Penutup hendaklah diakhiri dengan ucapan hormat bagi mendapat perimbangani dan persetujuan Menteri Kewangan seperti mana yang disyorkan. Penutup hendaklah ditulis seperti berikut:
- 3.13.1 Syor seperti di atas dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan YB Menteri Kewangan. Terima kasih.
- 3.14 Format kertas permohonan adalah seperti di **Lampiran A**.

#### 4. PERKARA-PERKARA LAIN YANG BERKAITAN

- 4.1 Kertas permohonan hendaklah dikemukakan dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* dialamatkan kepada:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Bahagian Penyelaras Syarikat MKD,  
Penswastaan dan Perusahaan Awam  
Tingkat 5, Blok Selatan,  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62592 PUTRAJAYA**  
(u.p: Tuan Hj. Abdul Rahim Mokti)

No. faks : 03-8882 3870  
              03-8882 4112